

Reaksi bukan Muslim terhadap Ayat-Ayat Saintifik dalam Al-Quran

Fatimah Mohamed

Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA fatimah@fsmt.upsi.edu.my

Published: 07 September 2022

To cite this article (APA): Mohamed, F. (2022). Reaksi bukan Muslim terhadap Ayat-Ayat Saintifik dalam Al-Quran. *Firdaus Journal*, 2(2), 26–30. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.3.2022>

Abstrak

Video youtube ayat-ayat saintifik dalam al-Quran yang dimuatnaik oleh youtuber muslim telah dijadikan bahan video reaksi oleh youtuber bukan muslim. Kelebihan video reaksi yang dibuat oleh youtuber bukan muslim mendapat komen daripada pelbagai pengikut agama dan setengahnya mendapat lebih banyak ‘viewer’ berbanding video asal. Daripada sembilan video reaksi berkaitan ayat saintifik dalam al-Quran, hanya seorang youtuber yang bertindak memeluk Islam. Benarlah bahawa hidayah itu adalah milik Allah.

Kata kunci: Ayat saintifik, Youtuber, video reaksi, ‘viewer’

Abstract

The youtube videos of scientific verses in the Quran uploaded by Muslim youtubers had been used as reaction video material by non-Muslim youtubers. The advantage of reaction videos made by non-Muslim youtubers is getting comments from various religions and some of them get more ‘viewers’ than the original video. Of the nine videos related to scientific verses in the Quran reacted, only one youtuber acted to embrace Islam. It is true that the guidance belongs to Allah.

Keywords: Scientific verse, Youtuber, video reaction, viewer

PENDAHULUAN

Youtube.com adalah suatu medium berbentuk video maklumat, amat kerap dilayari oleh generasi masa kini. Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ramai youtuber di luar negara mendapatkan “subscriber” video reaksi forum agama, ceramah dan juga video yang dihasilkan youtuber muslim yang lain. Usaha youtuber muslim memuatnaik ayat-ayat al-Quran hasil dari tinjauan kajian yang telah dilakukan oleh saintis dan penceramah agama seperti Dr. Zakir Naik, Dato’ Dr Zainal Abidin dan juga pelbagai media Islam telah membuka peluang kepada youtuber bukan muslim membuat reaksi.

Sebanyak sembilan ayat saintifik *miracles* banyak dijadikan video oleh youtuber muslim. Nisbah lautan dan daratan, pembentukan embrio, pengembangan jagat maya dan matematik dalam al-Quran banyak direaksi oleh youtuber bukan muslim. Pelbagai reaksi telah diberikan oleh viewer terhadap video yang direaksi oleh youtuber bukan muslim.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tinjauan reaksi youtuber bukan muslim bila menonton dan mendengar ulasan ayat quran saintifik dalam youtube.com adalah seperti berikut:

Sumber Youtube	Ayat saintifik berkaitan:	Reaksi /	'viewer' video asal	'viewer' video reaksi
https://www.youtube.com/watch?v=R_i4uVWwctQ	Video analisis bilangan ayat saintifik dengan formula matematik dalam al-Quran.	M91da, seorang pemuda bukan muslim amat kagum dan berharap ramai lagi memberi reaksi.	64K	132K
https://www.youtube.com/watch?v=MWfY76qmDIE	Reaksi kepada video sembilan ayat saintifik dalam al-Quran.	Liss Choice, gadis bukan muslim sangat takjub dengan sembilan ayat dan ingin mencari lagi ayat-ayat dalam al-Quran berkaitan sains.	1.8M	25K
https://www.youtube.com/watch?v=vA3lPcKsXTq	Reaksi kepada definisi mati dalam al-Quran mendahului penemuan sains.	Clare Forestier mendapati definisi al-Quran mendahului zaman.	36K. Video dikutip daripada pelbagai sumber.	
https://www.youtube.com/watch?v=jQdf9ajJGZY	Moore telah dikehujung dengan ketepatan ayat al-Quran mengenai pembentukan embrio manusia. Yakin Nabi Muhammad adalah Rasul. Dapat guna sistem pengelasan yg jelas mengikut pembentukan embrio.	Keith Moore, Pakar embriologi manusia	1K (Kupasan pakar-pakar)	
	Kajian selari dengan al-Quran	William W. Hay, Saintis laut, fotografi satelit dan remote sensing.		
	Langit dan bumi berasal bermula dari asal sama yang dibuktikan pada abad ke-21	Alfred Krone, pakar Geosains mendapati ayat al-Quran tidak bercanggah dengan fakta sains.		
	Sahut cabaran mengkaji ayat al-Quran mengenai pembentukan embrio luaran dalam 7 th Saudi Medical Conference, 1982. Ayat al-Quran bukan sahaja menerangkan ciri luaran tepat perkembangan	E. Marshal Johnson, Pengarah Institut Daniel Baugh, Pensylvania		

https://www.youtube.com/watch?v=HE3hftqZGiM	embrio, ia juga menerangkan ciri dalaman yang tepat.			
https://www.youtube.com/watch?v=_SdLotIKA8Q	Surah Qiyamah. Sammy merasakan kuasa Allah dan kekerdilan manusia. Ayat-ayat yang 'power' menerangkan kejadian manusia.	Sammy, seorang katholik merasa tenang	143K	
https://www.youtube.com/watch?v=AQBEYUK1xeU	Aturan pembentukan fetus dalam al-Quran bukan ko-insiden dengan kajian perkembangan fetus dalam sains	Openminded Christian Show	5K	1.9K
https://www.youtube.com/watch?v=h6NWfVWxqSM	Amat teruja dengan ayat-ayat sains dalam al-Quran yg terbukti dengan sains. Youtuber ini telah memeluk Islam.	Prairie Boy reaction telah muslim	57K	32K
https://www.youtube.com/watch?v=Zj3eVElg4Us	Gary Wills mengulas Injil dan al-Quran	Gary Wills dan Quran	34K	-
	Apostate prophet menganalisis dan menyangkal ketepatan sains dalam video 9 miracles dalam al-Quran dan mendapat banyak reaksi.	Apostate prophet minta agar menjauhi islam.	6.7K	71K

Sembilan video yang membuktikan sains selari dengan al-Quran telah digunakan dalam tinjauan ini sebagai video reaksi oleh sembilan youtuber bukan muslim berbeza. Youtuber bukan muslim yang membuat reaksi kebanyakannya jenis berfikiran terbuka dan mempunyai sifat ingin tahu. Terdapat juga bukan muslim yang mencari kesilapan dalam isi al-Quran. Kesemua mereka amat mengagumi isi al-Quran yang amat tepat dan dapat dibuktikan oleh sains. Namun keyakinan mereka terhadap kebenaran al-Quran belum lagi membuatkan mereka untuk menganut Islam, kecuali Prairie Boy.

Pemuda M91da ingin menghabiskan masa lapang beliau sambal menonton video youtube semasa bercuti. Sifat ingin tahu beliau menyebabkan beliau tekun menonton dan tidak banyak mereaksi video ayat matematik dalam al-Quran. Video reaksi beliau banyak direaksi oleh orang muslim seluruh dunia. Terdapat seorang penganut Kristian mereaksi dengan meluahkan ketidakpuasan hati dengan membuat perbandingan nabi Isa dan nabi Muhammad. Namun, perbandingan yang dibuat tiada kene mengena dengan video yang dikongsi oleh M91da.

Liss Choice, seorang gadis Kristian, sangat teruja selepas menonton video youtube mengenai sembilan ayat saintifik dalam al-Quran. Beliau menunjukkan sikap tenang, tekun dan tidak berkata-kata kerana terlalu kusyuk. Selepas selesai menonton, Choice terus mencari video-video lain berkenaan ayat-ayat saintifik dari al-Quran. Kebanyakan viewer video reaksi Choice adalah muslim. Seorang daripadanya adalah seorang mualaf dikenali sebagai Seln Komatro, yang sedar keindahan Islam. Komatro risau untuk memeluk Islam pada mulanya kerana risau tidak mampu solat lima waktu.

Clare Forestier mendapati definisi mati dalam al-Quran mendahului zaman. Al-Quran menjelaskan bahawa mati sebenar adalah disebabkan fungsi otak berhenti atau 'mati otak'. Jantung berhenti berdenyut tidak didefinisikan sebagai mati kerana terdapat kejadian di mana manusia mampu diselamatkan walaupun jantungnya telah berhenti berdenyut. Penemuan sains hanya bermula pada abad ke-21, manakala al-Quran telah mencatatkan pengertian

Reaksi bukan Muslim terhadap Ayat-Ayat Saintifik dalam Al-Quran

kematian sejak lebih 1400 tahun dahulu, menyebabkan Forestier berasa amat teruja dan kagum. Seramai tiga orang viewer telah secara terbuka mengucap dua kalimah syahadah selepas menonton video ini. Keyakinan viewer selepas yakin bahawa al-Quran yang telah berusia lebih 1400 tahun lalu sudah semestinya adalah khalimah Allah.

Video <https://www.youtube.com/watch?v=jQdf9ajJGZY> ini pula memaparkan beberapa kajian sains oleh beberapa orang pakar seperti pembentukan embrio dan asas kepada teori Big Bang. Pakar-pakar berkenaan mendapati hasil kajian mereka tidak bercanggah dengan isi al-Quran. Namun, beberapa orang viewer mendapati video ini tidak memberi maklumat sebenar. Seorang daripadanya, Joe Harkin mengatakan bahawa ayat-ayat saintifik al-Quran yang dipaparkan adalah interpretasi manusia yang mengkaji. Dua orang lagi doctor dari India mencabar dengan mengatakan video ini menipu.

Sammy, seorang katholik pernah mendengar bacaan surah al-Qiyamah tanpa sarikata dan meraskan keindahan alunan bacaan. Beliau telah berusaha mendapatkan video youtube dengan sarikata. Melalui sarikata, beliau benar-benar merasakan ayat-ayat yang dibacakan amat ‘power’ yang mana memberi isyarat yang ianya bukan daripada perkataan manusia.

Seorang yang hanya dikenali sebagai openminded Christian telah melihat beberapa video youtube mengenai ayat-ayat saintifik al-Quran. Beliau mendapati bahawa ayat berkenaan pembentukan fetus manusia bukan satu ko-insiden, malah ianya adalah menunjukkan ketepatan isi al-Quran.

Lain pula dengan Prairie Boy yang akhir memeluk Islam selepas teruja dengan ayat-ayat saintifik dalam al-Quran. Maka, benarlah bahawa hidayah itu milik Allah.

Garry Wills membandingkan injil dan al-Quran. Beliau mendapati ayat-ayat dalam al-Quran sangat logik dan tepat. Wills telah mereaksi pelbagai jenis ayat termasuklah ayat saintifik. Ramai viewer memuji kupasan ayat yang betul oleh Wills. Terdapat juga yang menjadi muslim selepas menonton kupasan Wills. Walaupun begitu, terdapat beberapa orang Kristian yang mula meyakini yang Isa adalah seorang nabi dan Allah adalah Tuhan.

Video reaksi ayat saintifik dalam al-Quran turut menjadi ancaman terutama sekali kepada penentang dan pembenci islam. Video *Nine shocking facts from Quran* yang telah mendapat 71M like dan 1,953,700 viewer telah diserang oleh Apostate prophet pada Julai 2021. Apostate prophet mendapat banyak video reaksi berunsur islam mendapat pujian dan meningkatkan rasa ingin tahu terhadap islam oleh bukan islam. Beliau cuba membentulkan fakta-fakta dengan memberi bukti-buktii saintifik. Apostate prophet telah mereaksi video *Nine shocking facts from Quran Debunked* dan berjaya meraih 6.7K like dan 82,246 pada November 2021 selepas 3 bulan dilancarkan. Dalam masa 3 bulan, beliau telah mendapat 2,670 komen yang menyokong pandangan beliau dalam menentang kesahan ayat saintifik dalam al-Quran.

Jika dianalisis kesemua kesembilan video reaksi dan viewer, terdapat satu aliran menyokong viewer terhadap pandangan youtuber yang membuat video reaksi. Aliran tersebut berterusan sehingga muncul pandangan viewer yang mengkritik dan menentang, aliran menyokong pandangan youtuber kepada berubah menyokong pengkritik video. Sikap menyebelahi pandangan seseorang ini menyokong pandangan Bennett (2021). Pandangan menentang oleh Apostate prophet pada Julai 2021 terhadap video *Nine shocking facts from Quran* telah meraih banyak pandangan memperlehkan ayat-ayat saintifik dalam al-Quran. Terdapat viewer yang mengejek youtuber muslim yang menggunakan hasil animasi saintifik Barat terhadap fenomena sains.

Sebagai seorang yang berakal celik, youtuber muslim haruslah menghasilkan video asli dengan menggarap pelbagai sudut ilmu seperti balaghah, nahu dan istihad dari pakar-pakar ilmu al-Quran. Sekiranya menggunakan nama saintis, perlulah dimasukkan ceramah asal mereka, bukannya sekadar menunjukkan wajah saintis dengan tulisan yang dikatakan oleh saintis tersebut. Originiti perlu dikekalkan dalam pembangunan sesuatu video reaksi yang melibatkan isi al-Quran.

KESIMPULAN

Youtuber bukan muslim amat mengagumi keselarian sains dengan al-Quran. Mereka berjaya menarik ‘view’ yang tinggi dan juga pelbagai anutan agama bersama-sama mereaksi video mereka. Video reaksi youtuber bukan muslim banyak direaksi oleh muslim berbanding bukan muslim. Video reaksi turut menarik bukan muslim menjadi muslim dan juga menarik kritikan melampau bukan muslim. Oleh itu, originaliti kandungan video perlu menjadi keutamaan dalam penghasilan video berkaitan al-Quran.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Ulul Albab, UPSI kerana memberi peluang menulis.

RUJUKAN

- https://www.youtube.com/watch?v=R_i4uVWwctQ
- <https://www.youtube.com/watch?v=MWfY76qmDIE>
- <https://www.youtube.com/watch?v=vA3IPcKsXTq>
- <https://www.youtube.com/watch?v=jQdf9ajJGZY>
- <https://www.youtube.com/watch?v=HE3hftqZGjM>
- https://www.youtube.com/watch?v=_SdLotlKA8Q
- <https://www.youtube.com/watch?v=AQBEYUK1xeU>

Bennett, W. Lance (2021). *The disinformation age : politics, technology, and disruptive communication in the United States*. New York, NY. [ISBN 9781108914628](#).